

## HYDROXYCHLOROQUINE

### A. APAKAH KEGUNAAN UBATINI?



- ⊕ Ubat ini digunakan dalam rawatan dan pencegahan penyakit Malaria.
- ⊕ Ubat ini juga digunakan untuk merawat systemic lupus erythematosus & penyakit artritis reumatoïd.

### B. BAGAIMANA UBATINI BERTINDAK?

- ⊕ Ubat ini bertindak dengan mengawal aktiviti sistem imun badan

### C. BAGAIMANA UBATINI DIGUNAKAN?

#### A. CARA MAKAN

- ⊕ Makan ubat ini seperti diarahkan oleh doktor.
- Ubat ini boleh diambil dengan makanan.
- ⊕ Ubat ini perlu diambil secara berterusan dan pada waktu yang sama



#### B. JIKA TERLUPA

- ⊕ Makan dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- ⊕ Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

#### C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBATINI?

- ⊕ Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik (23°C - 27°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- ⊕ Jauhkan daripada kanak-kanak.

## D. PERINGATAN !!!



### ➤ SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- Mempunyai penyakit buah pinggang, penyakit hati, G6PD, *retinopathy*, *hypoglycaemia*.
- Mengambil sebarang ubat, vitamin, produk herba atau makanan kesihatan tambahan, kerana ia mungkin bertindakbalas dengan ubat ini.
- Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan

### ➤ SEMASA MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- Mengalami kesan sampingan yang berlarutan  
(contoh: sakit pada bahagian abdomen, loya dan muntah, cirit birit)
- Didapati hamil dan memberi susu badan
- Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini



# **AMARAN !!**

**SEKIRANYA**

**TANDA-**

**TANDA INI**

**BERLARUTAN**

**SILA**

**RUJUK**

**DOKTOR**

## **E. KESAN SAMPING UBAT**

⊕ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:

- Sakit pada bahagian abdomen
- Cirit - birit
- Loya dan muntah
- Ruam pada badan

⊕ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:

- Sawan
- Penglihatan terjejas / perubahan penglihatan
- Gangguan masalah pendengaran
- Lemah anggota saraf / sendi

Rujukan:

- <https://www.drugs.com/hydroxychloroquine.html> (accessed on 28/9/2021)
- Risalah maklumat ubat: Plaquenil®

---

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394

---